

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan daripada GST yang telah diterima Kerajaan sejak ia dikuatkuasakan ke atas rakyat. Daripada kutipan ini, minta Kerajaan memberi laporan terperinci di sektor manakah dibelanjakan kutipan GST ini digunakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion manakala bagi tahun 2016, hasil kutipan GST sehingga 31 Oktober 2016 adalah sebanyak RM32.709 bilion. Semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut

dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah menambah baik sektor pendidikan, kesihatan dan penambahbaikan kemudahan infrakstruktur untuk manfaat rakyat serta keperluan pembangunan dan kemajuan ekonomi negara.